

BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Fasal (2) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. LKAN Mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2019 Siri 1 dan LKAN Mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2019 Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 10 Disember 2021. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Perak Tahun 2020 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 29 Mac 2022.

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Perak telah bersidang sebanyak dua kali bagi tempoh bulan September 2021 hingga Ogos 2022. Bagaimanapun, hanya satu mesyuarat yang membincangkan isu-isu berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara. Butiran ringkas perkara yang dibincangkan oleh jawatankuasa semasa mesyuarat adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGERI PERAK SEHINGGA 31 OGOS 2022

BIL.	BIL. MESYUARAT/ TARIKH	JABATAN/AGENSI	PERKARA
1.	Bil. 1 Tahun 2021 28 Oktober 2021	Pegawai Kewangan Negeri Kanan	Perbincangan perkara-perkara berbangkit dan hal-hal lain
2.	Bil. 1 Tahun 2022 04 Julai 2022	-	Taklimat Pengarah Audit Negeri Perak mengenai Laporan Ketua Audit Negara Negeri Perak Tahun 2018 Siri 1, 2 dan 3

Sumber: Jabatan Audit Negara